

Selayang Pandang gabungkan silat dengan pelajaran

-2 JUN 1987

MINAT dituruti, cita-cita dikerjakan. Demikian pegangan ketua dan anggota-anggota Perkumpulan Selayang Pandang yang telah menunjukkan kejayaan masing-masing dalam dua bidang — silat dan pelajaran.

Oleh kerana pentingnya pelajaran bagi anggota-anggotanya, Encik Dzulkarnain Noordin, 29 tahun, membentuk Jawatankuasa Pelajaran dalam Perkumpulan Selayang Pandang di Balai Rakyat Kampong Kembangan, bagi membantu mereka yang lemah dalam mata pelajaran tertentu. *PELANCANGAN SILAT*

Jawatankuasa yang dibentuk setahun yang lalu, diketuai oleh Low Kim Chuan, 18 tahun, penuntut tahun kedua Maktab Rendah Anderson.

Bagi mencapai keberkesanan, Low membentuk kumpulan pelajaran dengan beberapa orang anggota yang berminat untuk sama-sama belajar dan saling membantu mengatasi kelemahan masing-masing.

Beri kesempatan

Kumpulan pelajaran ini bertemu dua minggu sekali untuk membincangkan mata pelajaran seperti Sains dan Matematik dari peringkat Menengah Satu hingga Empat.

Low yang dibantu oleh Mohammed Da'an Tobarri berkata: "Skim seperti ini memberi kesempatan bagi yang tahu untuk membantu yang kurang tahu. Bagaimanapun, kejayaannya terpujang kepada usaha anggota secara persendirian. Kami hanya berupaya untuk membantu."

Sementara itu, Mohd Da'an, 17 tahun, yang kini menuntut di Politeknik Singapura, berpendapat bahawa kejayaan usaha setengah-setengah ahli Perkumpulan Selayang Pan-

18 21

Oleh **TUMINAH SAPAWI**

dang bagi membantu anggota yang lemah dalam pelajaran bergantung kepada kerjasama anggota-anggotanya. *PELAJARAN MELAYU*

Menurut Encik Dzulkarnain: "Langkah bagi memastikan setiap ahli tidak terlalu mementingkan kegiatan di luar sekolah adalah bagi kebaikan pelajaran dan masa depan mereka." *PELAJARAN SAINS (E)*

Selain Jawatankuasa Pelajaran, beliau juga membentuk Jawatankuasa Kebajikan. Antara kegiatan jawatankuasa ini ialah mengadakan pertemuan antara anggota pada masa-masa tertentu dan juga membantu dengan memberi habuan kepada ahli dan keluarga ahli yang sakit.

"Kami juga berusaha mendapatkan wang bagi membantu anggota yang menghadapi kesukaran untuk membayar yuran persekolahan atau peperiksaan," ujar Encik Dzulkarnain yang telah menubuhkan Perkumpulan Selayang Pandang dalam 1982. *PELAJARAN KELAS AKHIRAN*

Kesemua ini, menurut beliau, telah meningkatkan persefahaman dan mengeratkan hubungan sesama anggota — kira-kira seratus orang semuanya, tujuh daripada mereka merupakan anggota bukan Melayu.

Kesemua anggota bukan Melayu telah didorong oleh minat dalam seni pertahanan diri untuk menyertai perkumpulan ini sejak lebih dari dua tahun yang lalu. *LOW NISAB*

Di bawah latihan Encik Dzulkarnain, Encik Jais Salleh, 30 tahun dan Encik A. Rahman Latiff, 40 tahun, mereka belajar gerak dan pukulan-pukulan silat itu dan di masa yang sama, belajar adat kebudayaan orang-orang Melayu, seperti bersalam apabila menemui anggota-anggota.

Menurut Encik Dzulkarnain: "Ahli perkumpulan kami mengamalkan sikap terbuka di mana latihan-latihan silat boleh diubahsuai agar

dapat difahami secara mudah.

"Bagaimanapun, hanya cara latihan, dan bukan gerak atau buah pukul yang boleh diubah, kerana kedua-duanya harus mencerminkan Silat Melayu."

Beliau melatih dua kumpulan, satu di Balai Rakyat Fengshan dan satu kumpulan lagi di Balai Rakyat Kampong Kembangan.

Peringkat Anggota Perkumpulan merupakan peringkat yang paling rendah dalam silat Selayang Pandang. Bagi mereka yang dapat menguasai teori dan gerak asas semasa dalam peringkat itu akan dinaikkan kepada Murid Perkumpulan.

Peringkat di atas Murid Perkumpulan ialah Murid Selayang Pandang 2 dan diikuti dengan Murid Selayang Pandang 1. Dalam peringkat tersebut anggota-anggota diajar bagaimana memperhalusi pergerakan masing-masing sebelum mereka dinaikkan kepada peringkat Anggota Selayang Pandang.

Untuk menjadi Anak Selayang, seseorang anggota mesti mengetahui setiap aspek pergerakan silat itu. Dalam peringkat ini, anggota-anggota itu tidak menerima apa-apa arahan lagi daripada jurulatih.

Perlukan kehandalan

Mereka berlatih sendiri untuk mempertingkatkan kemahiran yang dapat memberi mereka kedudukan Anak Selayang Pandang yang merupakan peringkat paling tinggi.

Bagaimanapun, bagi mereka yang ingin menjadi jurulatih, mereka dikehendaki mencapai tahap Keluarga Selayang Pandang. Peringkat ini bukan saja memerlukan kehandalan silat mereka tetapi juga ciri-ciri kepimpinan dalam diri mereka.

"Ketika anggota berada dalam peringkat Anak Selayang, kami mula mengawasinya untuk mengesan sama ada mereka layak menjadi pemimpin yang akan melatih anak murid sendiri," ujar Encik Dzulkarnain.



• DUDUK dalam satu baris bulatan para pelatih sedang diberi penerangan sebelum latihan yang dijadualkan bermula.

-2 JUN 1987



• SEBELUM latihan yang sebenar dimulakan mereka menjalani satu siri latihan gerak badan untuk memastikan setiap pelatih mempunyai keupayaan untuk berlatih selanjutnya.